

Penanaman lebih banyak pokok

Usaha UMS melestarikan kepentingan hutan

Oleh SITI AISYAH NARUDIN

UB 29.9.2017 B3

USAHA memperbanyak penanaman pokok antara langkah Universiti Malaysia Sabah (UMS) dalam melestarikan kepentingan hutan.

Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa) UMS Prof. Dr. D Kamaruddin D Mudin berkata usaha berkenaan adalah satu cabaran buat UMS khususnya dalam memastikan pokok-pokok yang ditanam tumbuh secara subur.

Selain itu pihaknya juga lebih memperbanyakkan

penanaman spesies pokok yang sukar didapati namun mempunyai nilai yang tinggi.

“Mungkin kita lebih menggalakkan penanaman pokok yang memiliki risiko untuk pupus agar ia boleh dipertahankan untuk jangka masa yang lebih lama.

“Pada masa sama, kita turut menghadapi cabaran untuk mencari spesies pokok yang perlu ditanam memandangkan UMS memiliki lebih 900 ekar kawasan tanah.

“Justeru, kita menggalakkan mahasiswa terutamanya dari Fakulti Sains dan Sumber Alam (FSSA) untuk menanam pokok iaitu satu pelajar



BABA (kanan) menyampaikan cenderahati kepada Kamaruddin selepas perasmian majlis itu kelmarin.



SIMBOLIK penanaman pokok sungkai yang dilancarkan Kamaruddin (duduk kanan) pada majlis itu.

“Mungkin kita lebih menggalakkan penanaman pokok yang memiliki risiko untuk pupus agar ia boleh dipertahankan untuk jangka masa yang lebih lama. Pada masa sama, kita turut menghadapi cabaran untuk mencari spesies pokok yang perlu ditanam memandangkan UMS memiliki lebih 900 ekar kawasan tanah.”

PROF. DR. D KAMARUDDIN D MUDIN

Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa) UMS



KAMARUDDIN (tiga kanan) bersama Hamami (tiga kiri), Janshah (dua kanan), Baba (dua kiri) dan kakitangan FSSA selepas simbolik penanaman pokok.

satu pokok,” jelasnya.

Beliau berkata demikian kepada media bagi mewakili Naib Canselor UMS Prof. Datuk Dr. Mohd Harun Abdullah sempena perasmian sambutan Hari Perhutanan Sedunia 2017 anjuran FSSA dan Pusat Pengurusan EcoCampus UMS di Kota Kinabalu kelmarin.

Kamaruddin berkata inisiatif penanaman



JAWATANKUASA penganjur Hari Perhutanan Sedunia UMS merakamkan kenangan bersama tetamu jemputan.

pokok yang dilaksanakan UMS turut menyokong usaha kerajaan dalam memperkasakan pemuliharaan hutan dan alam sekitar.

Menurutnya UMS sendiri mempunyai ramai pakar yang boleh membantu kerajaan dan pihak berkaitan dalam bidang perhutanan.

Sementara itu, Pensyarah FSSA Prof. Dr. Hamami Sahri berkata setakat ini UMS mempunyai kawasan tanah yang mencukupi untuk penanaman lebih banyak pokok.

Katanya setiap

tahun sempena dengan kedatangan pelajar baharu, FSSA akan mengadakan program penanaman pokok.

Pada masa sama pihaknya juga mencadangkan agar program seumpama itu dapat dimasukkan dalam aktiviti kokurikulum pelajar.

Sehubungan itu, jelasnya ia secara tidak langsung dapat membantu menjayakan usaha UMS untuk memperbanyakkan penanaman pokok.

“Kita turut menggalakkan para pelajar

menyemai anak benih untuk penajaan benih kepada UMS.

“Setiap pelajar bolehlah menyemai benih untuk penanaman pokok setiap kali ulang tahun mereka,” katanya.

Pensyarah Kanan FSSA Janshah Moktar berkata program penanaman pokok di UMS mula dianjurkan sejak 2000 lagi.

Beliau berkata jenis pokok seperti kayu belian antara spesies yang diberi keutamaan memandangkan ia memiliki keunikan serta menjadi identiti kepada Borneo.

“Kita juga memberi keutamaan kepada penanaman pokok yang cepat membesar seperti akasia dan sungkai.

“Usaha sebegini perlu dikekalkan kerana selain sebagai satu komoditi, pokok juga berperanan sebagai warisan untuk generasi akan datang,” katanya.

Sempena dengan sambutan Hari Perhutanan Sedunia, sebanyak 150 pokok sungkai ditanam sebagai simbolik kepada program berkenaan.

Turut hadir Dekan FSSA Prof. Dr. Baba Musta.